



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

**KERATAN**

**AKHBAR**

**KESUMA”**

**ISNIN**

**2 SEPTEMBER 2024**



# Manfaatkan subsidi caruman PERKESO selama setahun

**FINAS minta persatuan tingkat kesedaran penggiat seni berdepan risiko**

Oleh Serimah Mohd Sallehuddin  
bhnews@bh.com.my

Pekerja filem dan industri seni disaran memanfaatkan subsidi percuma selama setahun bagi pencaruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang diperuntukkan kepada 4,500 pekerja industri.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Datuk Azmir Saifuddin Mutalib, berkata 90 peratus carum ditanggung kerajaan, manakala 10 peratus lagi adalah sumbangan perbadanan itu.

"Di Malaysia, ada kira-kira 15,000 pekerja seni yang bekerja secara *freelance*, tetapi mencarum tak sampai pun separuh.

"FINAS dan PERKESO kini bekerja rapat selama enam bulan mengadakan pelbagai program tingkat kesedaran pekerja seni.

"Malah, bagi menggalakkan mereka mencarum, subsidi diberikan selama setahun.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif ISSA PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed (dari kiri), Pakar Teknikal Kanan ILO, Kenichi Hirose; Azmir dan Pengarah SWRC, Prof Datuk Dr Norma Mansor pada Seminar Teknikal ISSA 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, baru-baru ini.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

"Kami sudah meminta Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA) dan Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM) untuk daftarkan ahli mereka," katanya kepada *HIP*.

Baru-baru ini, Azmir diundang sebagai jurucakap Seminar Teknikal 2024 Keselamatan Sosial Untuk Pekerja Persendirian dan Pekerja Platform anjuran Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA).

Azmir berkata, orang seni yang hampir 90 peratus bekerja sendiri patut dilindungi paling minimum

melalui PERKESO.

Katanya, FINAS akan mewajibkan produksi memastikan pekerjajanya mencarum dengan PERKESO sebagai perbadanan yang bertanggungjawab mengeluarkan Surat Perakuan Penggambaran Filem (SPP).

"Mana-mana produksi yang memohon SPP perlu memastikan pekerja untuk mencarum dengan PERKESO.

"Bila memohon sijil SPP mereka kena ada kontrak standard PERKESO dan KWSP.

"Kami bukan paksa, tapi berikhtisar. Saya sudah bincang de-

ngan kementerian yang mana penerima dana FINAS dan Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) supaya ada kontrak standard.

"Jadi, lama-kelamaan mereka mempunyai kesedaran mencarum sendiri tanpa perlu diberitahu," katanya.

#### Ada tempat untuk dirujuk

Sekurang-kurangnya, kata Azmir, mereka ada tempat untuk dirujuk jika sesuatu berlaku seperti hilang keupayaan untuk bekerja.

"Contohnya, seperti satu kes bekas pekerja filem di Sarawak yang

menghidap kanser, tak berupaya bekerja dan memerlukan sekitar RM400 sebulan untuk membeli ubat.

"Ketika datang menghulurkan bantuan, kami bawa sekali pegawai PERKESO, bila disemak rupanya dia ada mencarum dan layak mendapat pencen ilat RM800 sebulan.

"Itulah sebabnya kami galakkan pekerja seni mencarum dengan PERKESO. Ketepikan sedikit upah yang dapat, bukan banyak mana caruman dikenakan demi kebaikan pada masa depan," katanya.